

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 SEPTEMBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Malaysia boleh capai status pendapatan tinggi seawal 2025

Malaysia boleh capai status pendapatan tinggi seawal 2025

4 penegasan dalam Kajian Separuh Penggal RMK12 landasan pacu ekonomi

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysia mampu mencapai status negara berpendapatan tinggi paling awal menjelang 2025 berdasarkan inisiatif diumumkan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK12), demikian menurut pengalisis.

Kenanga Research berkata, ia percaya sasaran berkenaan mampu dicapai selepas mengambil kira kadar pengembangan ekonomi dan mempertimbangkan potensi risiko daripada sektor luaran yang boleh memberi kesan kepada tinjauan pertumbuhan dalam jangka terdekat.

Beliau berkata, sasaran dite-

tapkan itu juga selaras dengan unjuran Bank Dunia bahawa sasaran pendapatan tinggi Malaysia akan dicapai antara 2024 hingga 2028.

"Bagaimanapun, kami melihat sasaran itu memerlukan pengembangan produktiviti berterusan dan jangkaan bahawa ekonomi global akan berada pada pengembangan yang mantap menjelang 2025," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Firman penyelidikan pasaran itu berkata, sasaran pendapatan per kapita lebih tinggi pada RM61,000 atau AS\$14,250 menjelang akhir 2025 akan disokong oleh peningkatan produktiviti buruh.

Ia berkata, paras itu melebihi ambang pendapatan minimum Bank Dunia bagi negara berpendapatan tinggi sebanyak AS\$13,845 (RM59,257) atau lebih tinggi kerana kerajaan menyasarkan untuk membawa Malaysia ke status negara berpendapatan tinggi sejurus 2025.

Katanya, jika dilihat semula, pendapatan per kapita berjumlah RM32,968 (AS\$12,035) pada 2022, peningkatan ketara daripada

RM46,253 (AS\$11,163) yang dicatatkan pada 2021.

"Sasaran pendapatan per kapita lebih tinggi juga sejahtera dengan sasaran pertumbuhan produktiviti buruh yang lebih tinggi sebanyak 3.8 peratus," katanya.

Di bawah KSP RMK12, kerajaan meletakkan empat penegasan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi iaitu melonjakkan pertumbuhan ekonomi, mempercepat reformasi struktur ekonomi, memacu daya saing sektor dan industri strategik dan mempertimbangkan potensi ekonomi wilayah.

Bagi mencapai tujuan itu, kerajaan menyasarkan lonjakan pertumbuhan ekonomi sekurang-kurangnya lima peratus setahun dalam tempoh RMK12.

Kenanga Research berkata, usaha untuk memperbaharui pasaran pekerjaan adalah sejahtera dengan rangka kerja Ekonomi MADANI yang menyasarkan 40 peratus bahagian pampasan pekerja kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) men-

jelang 2025.

Katanya, ia juga termasuk matlamat untuk mencapai median gaji dan upah bulanan RM2,700 menjelang 2025.

Pemangkin ekonomi baharu

Sementara itu, MIDF Research berkata, KSP RMK12 memberi tumpuan lebih terhadap sektor pembinaan memandangkan pertumbuhan ekonomi, mempercepatkan reformasi struktur ekonomi, memacu daya saing sektor dan industri strategik dan mempertimbangkan potensi ekonomi wilayah.

Ia percaya bahawa penekanan terhadap alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) mungkin menjadi pemangkin ekonomi baharu bagi negara yang akan membantu industri baharu.

Katanya, penekanan kepada pembangunan sumber pertumbuhan baharu, terutama dalam industri pertumbuhan dan nilai tinggi (HGHV), adalah kepentingan strategik jangka panjang kepada

kesejahteraan negara yang boleh membantu meningkatkan profil pulangan keseluruhan Malaysia yang secara semula jadi akan memacu penilaian pasaran lebih tinggi dalam jangka panjang.

MIDF Research berpandangan bahawa peningkatan perbelanjaan dan keseluruhan bagi RMK12 kepada RM415 bilion dilihat sebagai hara kerajaan untuk memainkan peranan aktif untuk menyokong ekonomi secara langsung dan memastikan pertumbuhan KDNK tidak kurang daripada lima peratus.

